



KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT KE-22 PERINGKAT MENTERI BRUNEI DARUSSALAM-INDONESIA- MALAYSIA-FILIPINA KAWASAN PERTUMBUHAN ASEAN TIMUR (BIMP-EAGA)

Mesyuarat Ke-22 Peringkat Menteri Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur (BIMP-EAGA) dan Mesyuarat Berkaitan telah berjaya diadakan di Kuala Belait, Brunei Darussalam daripada 23 hingga 26 November 2018. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Dato Seri Setia Haji Erywan bin Pehin Yusof, Menteri Luar Negeri Kedua, Brunei Darussalam. Delegasi Malaysia diketuai oleh YB Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi.

YB Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali juga diperkenan menghadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dalam majlis menghadap tersebut, Baginda bertitah kepentingan hubungan dua hala bagi meningkatkan kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Brunei. Baginda juga berharap Mesyuarat Peringkat Menteri BIMP-EAGA akan memberi kesan yang positif ke arah memperkasa kerjasama serantau dan memberi faedah kepada rakyat di rantau ini.

Lebih 200 pegawai kanan dan perwakilan kerajaan dari Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Filipina telah menghadiri mesyuarat tersebut membincangkan pencapaian kerjasama BIMP-EAGA serta perkembangan terkini. Selain itu, mesyuarat telah mengenal pasti langkah-langkah pelaksanaan yang efektif untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan dalam *BIMP-EAGA Vision 2025*. Antara tujuan penubuhan BIMP-EAGA adalah untuk merapatkan jurang pembangunan dan mempercepatkan pembangunan sosioekonomi serantau.

Di samping itu, mesyuarat ini juga telah mengadakan perbincangan dengan rakan pembangunan BIMP-EAGA seperti Wilayah Utara Australia dan Republik Rakyat China. Ini merupakan Mesyuarat Peringkat Menteri Pertama antara BIMP-EAGA dan China yang mencipta sejarah dalam usaha mengukuhkan kerjasama negara-negara rantau ini dengan China. Dalam mesyuarat tersebut, Malaysia menyatakan bahawa hubungan kerjasama yang rapat dengan China adalah pemacu utama dalam mengukuhkan pembangunan ekonomi dalam wilayah-wilayah BIMP-EAGA. Sejak tahun 2009, China merupakan rakan dagang utama Malaysia selama sembilan tahun berturut-turut dan Malaysia akan terus melihat China sebagai rakan pembangunan strategik di rantau ini. Semasa lawatan rasmi pertama YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad ke China pada Ogos

lepas, beliau mengalu-alukan cadangan China untuk meningkatkan kerjasama dalam wilayah BIMP-EAGA.

Menteri-menteri BIMP-EAGA telah bersetuju berkenaan keperluan untuk membangunkan satu Pelan Tindakan bagi mengenal pasti aktiviti ekonomi utama yang dapat meningkat dan mempromosikan kerjasama dengan China berdasarkan kekuatan dan kelebihan daya saing ekonomi serantau. Bidang utama kerjasama termasuk kesalinghubungan; pertanian; pemprosesan perikanan dan industri makanan; pelancongan dan pertukaran sosio-budaya; perdagangan dan pelaburan; ekonomi digital; pengurangan kemiskinan dan pembangunan inklusif; pembangunan sumber manusia; persekitaran serta kuasa dan tenaga.

BIMP-EAGA terdiri daripada seluruh kesultanan Brunei Darussalam; wilayah Kalimantan, Sulawesi, Maluku dan Papua di Indonesia; negeri Sabah dan Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan di Malaysia; pulau Mindanao dan wilayah Palawan di Filipina. Dengan jumlah penduduk 75.8 juta dan keluasan 1.6 juta kilometer persegi, BIMP-EAGA merupakan pasaran yang signifikan bagi pertumbuhan ekonomi yang kukuh di ASEAN. Malaysia akan meneruskan usaha mengintegrasikan ekonomi termasuk meningkatkan kesalinghubungan melalui pembinaan projek infrastruktur seperti Lebuh raya Pan Borneo, lapangan terbang Mukah dan pengembangan pelabuhan kontena Teluk Sepanggar.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) EAGA pada harga semasa meningkat kepada US\$287.3 bilion dengan peningkatan imbalan perdagangan sebanyak 39.2% pada US\$54.7 bilion. Perdagangan barangan BIMP-EAGA berjumlah US\$102.7 bilion dan jumlah eksport EAGA adalah US\$79 bilion. Pelaburan yang direalisasikan dan diluluskan dalam pelaburan langsung asing mencapai US\$13.92 bilion manakala dalam pelaburan domestik sebanyak US\$6.98 bilion.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi telah menyatakan pentingnya kerjasama serantau demi pembangunan ekonomi. Melalui rangkaian perniagaan yang besar, wilayah BIMP-EAGA mempunyai potensi pasaran yang luas dan ia akan mewujudkan sinergi yang sering melengkapi dalam menghasilkan pertumbuhan ekonomi yang dinamik supaya Malaysia muncul kembali sebagai '**Harimau Asia**'.

Mesyuarat ke-23 Peringkat Menteri BIMP-EAGA dan Mesyuarat Berkaitan akan diadakan di Kuching, Sarawak pada November 2019. Sempena mesyuarat tersebut, Sambutan Budayaw juga akan diadakan bagi meraikan ulang tahun penubuhan BIMP-EAGA yang ke-25.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
29 November 2018